

PIPP bangunkan modal insan warga sekolah

UM - 18/1/2007

Oleh MOHD. FAIRUZ YUSOF

KUALA LUMPUR 17 Jan. - Tokoh-tokoh pendidikan menyifatkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang dilancarkan semalam mampu membangunkan modal insan di kalangan guru dan pelajar sekolah pada masa akan datang.

Pelan tersebut merupakan kesinambungan dan pengukuhan kepada rancangan-rancangan pendidikan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran sebelum ini, merangkumi semua aspek pembangunan pendidikan.

Menurut Pengarah Rusak Serantau Dasar, Perancangan, Penyelidikan dan Kepimpinan Penyelidikan, Prof. Datuk Dr. Ibrahim Bajunid, pada suatu ketika dahulu, setiap sekolah mempunyai pelan dasar sendiri bagi menentukan kecemerlangan sekolah masing-masing.

"PIPP pula merupakan rancangan menyeluruh dan mengenal pasti bidang-bidang yang diberi perhatian dan perkara-perkara yang perlu dilakukan dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Pelan induk itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.

ia bertujuan melonjakkan tahap kece-

Walaupun sebelum ini langkah tertentu telah dilaksanakan tetapi pelan induk tersebut merupakan yang terbaik dan lebih komprehensif

merlangan sekolah dan mengangkat imej sistem pendidikan negara di mata dunia.

Pelan induk itu menggariskan enam teras strategik bagi melahirkan modal insan yang cemerlang, produktif dan kreatif ke arah membantu Misi Nasional menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Ibrahim turut mencadangkan supaya pelan itu tidak menetapkan sasaran untuk tempoh lima tahun sahaja, tetapi perlu dilaksanakan secara berterusan.

"PIPP juga perlu mendapat sokongan daripada semua pihak bukan sahaja daripada kementerian terbabit dan pendidik sahaja.

"Ini kerana pelan tersebut bukan sahaja memberi penekanan kepada golongan guru dan pelajar, tetapi segala aspek berkaitan dunia pendidikan," jelasnya.

Mengenai langkah kementerian untuk memberi lebih autonomi kepada sekolah-sekolah cemerlang, beliau berkata, ia memberi kuasa kepada guru besar dan pengetua untuk merangka strategi bagi melahirkan pelajar cemerlang.

Beliau berkata, perkara itu pernah dilaksanakan sebelum ini oleh Maktab Tentera

ABDUL RAHMAN ARSHAD
Bekas Ketua Pengarah Pelajaran



ABDUL RAHMAN



IBRAHIM BAJUNID

Diraja, Penang Free School, Victoria Institution dan Sekolah Tinggi Molaka yang berjaya melahirkan pelajar cemerlang.

Menurut beliau, tradisi tersebut perlu diporluaskan ke sekolah-sekolah lain yang mempunyai potensi dan mampu melahirkan pelajar cemerlang.

Bagi sekolah di kawasan pedalaman pula, katanya, kerajaan perlu memberi latihan kepada guru besar, pengetua dan guru-guru untuk melahirkan pelajar cemerlang di kawasan itu.

"Bagaimanapun Pengetua dan Guru Besar 'Perlu' memahami apakah autonomi yang diberikan oleh kementerian kerana mereka tidak boleh melaksanakannya secara autokrasi.

"Kecemerlangan sesebuah sekolah bergantung kepada kepimpinan Guru Besar atau Pengetua dan guru bagi mencapai sasaran yang ditetapkan," katanya.

Bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Abdul Rahman Arshad pula berkata,

meliputi segala bidang berkaitan pendidikan termasuk daripada segi pengurusan, kurikulum, kelengkapan sekolah dan latihan guru.

Menurut beliau, walaupun sebelum ini langkah-langkah tertentu telah dilaksanakan tetapi pelan induk tersebut merupakan yang terbaik dan lebih komprehensif.

Beliau berkata, ia akan memartabatkan profesion keguruan, memperkasakan sekolah dan pemilihan guru yang lebih rapi untuk mengajar di sekolah.

Beliau menggesa semua pihak memberi komitmen yang tinggi supaya pelaksanaan pelan induk itu menepati sasaran dan matlamat kerajaan.